

30/08/2002

MCA bergolak semula

Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Khamis - MCA bergolak semula apabila Timbalan Presidennya, Datuk Lim Ah Lek, digugurkan daripada Lembaga Disiplin parti yang dipengeruskannya dalam senarai baru jawatankuasa itu yang diumumkan hari ini.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik ketika mengumumkan senarai pelantikan semula beberapa jawatan dalam pucuk pimpinan parti itu berkata, Jawatankuasa Pusat (CC) memutuskan untuk melantik lima ahli veteran menggantikan semua lima ahli lama Lembaga Disiplin.

Dengan itu, Lembaga Disiplin MCA kini dipengerusikan Datuk Kam Woon Wah dengan empat ahli lain iaitu Datuk Dr Wee Khoo Hock; Datuk Wong Seng Chow; Datuk Chan Kit Chee dan Wang Choon Wing.

Kelima-lima veteran itu juga adalah ahli Jawatankuasa Penyiasatan Veteran yang ditubuhkan khas pada 8 Oktober tahun lalu bagi menyasiat pergaduhan dan kejadian membaling kerusi ketika Perhimpunan Agung Pemuda pada 3 Ogos tahun lalu.

Mereka menggantikan jawatankuasa disiplin yang tamat tempoh perkhidmatan selepas Perhimpunan Agung MCA pada 27 Julai lalu iaitu Lim; Naib Presiden, Datuk Dr Fong Chan Onn dan Datuk Chua Jui Meng; Ketua Wanita Datuk Dr Ng Yen Yen serta Ketua Pemuda, Datuk Ong Tee Keat.

Dr Ling, ketika ditanya sama ada pelantikan ahli Lembaga Disiplin baru itu melanggar pelan damai yang diusahakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menamatkan krisis dalaman MCA sejak 14 bulan itu, berkata:

"Pelan damai ialah untuk kedamaian dan kestabilan. Semua langkah yang diambil ini adalah menurut pelan itu".

Lim pula, sebelum meninggalkan Wisma MCA selepas mesyuarat berkata, keputusan CC menggantikan anggota sedia ada bercanggah dengan pelan damai yang dilaksanakan kedua-dua pihak untuk menstabilkan parti.

"Beliau (Dr Ling) tidak mematuhi pelan damai yang menetapkan status-quo dikekalkan. Mengapa dia lakukannya, anda kena tanya presiden," katanya kepada pemberita sebelum Dr Ling mengadakan sidang akhbar mengumumkan keputusan CC itu.

Mesyuarat CC MCA itu adalah yang pertama bagi penggal 2002 hingga 2005. Mesyuarat selama dua jam itu dihadiri 38 daripada 41 ahli. Tidak hadir ialah Datuk Dr Yeow Chai Thiam; Datuk Fu Ah Kiow dan Datuk Wong Mook Leong.

Dr Ling berkata, keputusan itu bukan sesuatu yang peribadi dan CC tidak seharusnya dianggap tidak menyokong ahli Lembaga Disiplin yang lalu.

"Sebaliknya, kami nak ada orang yang tiada kaitan dalam sebarang konflik dengan parti ini sejak 14 bulan lalu. Kami nak mereka yang tiada kepentingan dalam MCA.

"Kami terima cadangan untuk lantik lima veteran yang pernah berkhidmat dalam jawatan penting MCA. Dengan kebijaksanaan mereka, mereka boleh bantu kami menguruskan masalah disiplin dalam parti," katanya.

Lim, yang mempengerusikan Lembaga Disiplin MCA sejak 1993 menggantikan Tan Sri Lee Kim Sai, berkata beliau kecewa dengan keputusan CC itu kerana berdasarkan pelan damai, penyandang semua jawatan harus dikekalkan.

Sementara itu, enam daripada 13 pengerusi MCA negeri yang diumumkan hari ini membabitkan muka baru.

Mereka ialah Datuk Chor Chee Heung (Perlis); Datuk Seri Ong Ka Ting (Selangor); Wong Kam Hoong (Pulau Pinang); Datuk Hon Choon Kim

(Negeri Sembilan); Datuk Wira Poh Ah Tiam (Melaka) dan Datuk Dr Chua Soi Lek (Johor).

Masing-masing menggantikan mendiang Datuk Khor Liang Tee (Perlis); Dr Ling (Selangor dan Johor); Datuk Dr Sak Cheng Lum (Pulau Pinang); Datuk Wong See Wah (Negeri Sembilan) dan Datuk Wira Gan Boon Leong (Melaka).

Pengerusi MCA negeri yang dilantik semula ialah Datuk Beh Heng Seong (Kedah); Datuk Tan Chai Ho (Wilayah Persekutuan); Datuk Chan Kong Choy (Pahang); Datuk Ong Ka Chuan (Perak); Datuk Lau Yin Pin (Terengganu); Datuk Dr Fong Chan Onn (Kelantan) dan Datuk Edward Khoo (Sabah).

Turut dilantik semula ialah Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh; Bendahari Agung, Tan Sri William Chek dan Setiausaha Pengelola, Ka Chuan.

Enam daripada 18 pengerusi biro juga dilantik semula iaitu Dr Ting (Biro Pendidikan); Ka Ting (Biro Perundingan Pertubuhan Cina); Dr Fong (Biro Ekonomi); Ho Lim Teck (Biro Penyelarasan Kursus Latihan Politik); Datuk Leong Tang Chong (Biro Guaman) dan Datuk Fu Ah Kiow (Biro Hal ehwal agama).

Seorang daripada enam ahli CC yang dilantik juga adalah muka baru iaitu Khoo. Enam ahli CC yang dilantik semula ialah Datuk Koay Kar Huah; Leong; Lim Bee Kau; Chew Mei Fun; Senator Yew Teong Look dan Datuk Paduka Dr Tan Yee Kew.